Susulan rampasan wang tunai RM170 juta, 16kg jongkong emas

Doktor rawat Ismail Sabri dirakam percakapan

Kuala Lumpur: Pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah merakam percakapan pegawai perubatan yang merawat Perdana Menteri ke-9, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kelmarin.

Media dimaklumkan percakapan itu dilakukan di sebuah hospital di Lembah Klang pada jam 10 pagi semalam.

Bagaimanapun, tiada maklumat lanjut didedahkan mengenai status kesihatan Ahli Parlimen Bera itu.

SPRM sebelum ini dilaporkan berkata, pihaknya akan merakam keterangan Ismail Sabri yang menangguhkan pengambilan keterangan atas faktor kesihatan.

Rakaman percakapan doktor berkenaan bagi mengetahui status kesihatan Ahli Parlimen Bera itu.

"Tujuan SPRM merakam percakapan doktor merawat Ismail untuk mengetahui tahap kesihatan beliau benar-benar berada dalam keadaan baik dan sihat.

"SPRM mengambil berat kesihatan bekas Perdana Menteri itu, selain mengenai pasti penyakit dihadapi beliau," katanya.

Ismail Sabri sepatutnya memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM pada Khamis, tetapi beliau tidak dapat berbuat demikian kerana dikatakan masih tidak cergas.

Media dimaklumkan, Ahli Parlimen Bera itu tidak dapat hadir kerana beliau diberikan sijil cuti sakit (MC) sehingga Rabu depan.

Ismail Sabri sebelum itu sudah memberi keterangan kepada pegawai penyiasat selama kira-kira lima jam selepas beliau membuat pengisytiharan harta pada 10 Februari lalu.

Beberapa hari kemudian, empat individu termasuk dua bekas pegawai kanannya ditahan SPRM untuk siasatan lanjut.

Ini membawa kepada serbuan di tiga premis dengan penemuan wang tunai pelbagai negara berjumlah RM170 juta dan 16 jongkong emas bernilai RM7 juta di sebuah kondominium yang didakwa sebagai 'safehouse'.

Azam dalam sidang media pada Isnin lalu turut mengesahkan Ismail Sabri bukan lagi saksi dalam siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram, sebaliknya seorang suspek.